



Ash'ari Komeng



Mohd Zailani Abd Razak



Gopalakrishnan



Sidek Harun

# Beli-belah waktu kerja calar khidmat awam

**Kuala Lumpur:** “Kes curi tulang memang ada berlaku tetapi hanya segelintir penjawat awam yang membeli-belah ketika waktu bekerja di bulan Ramadan,” kata Presiden Kesatuan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Zailani Abd Razak.

Beliau berkata, semua kakitangan awam sedia maklum mengenai peraturan serta tata tertib yang tertakluk dalam waktu kerja.

“Ia berlaku kemungkinan

kerana persiapan Aidilfitri dan ada antara mereka membeli juadah untuk berbuka puasa terlebih dulu,” katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Zailani berkata, disebabkan segelintir kecil ini, persepsi terhadap penjawat awam tercalar, perlu diingatkan kenyataan itu tidak ditujukan kepada keseluruhannya.

Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Sokongan Lembaga Hasil Dalam

Negeri Semenanjung Malaysia (KEJASA), Ash'ari Komeng berkata, jika ada penjawat awam yang didapati melanggar undang-undang pasti akan dikenakan tindakan.

“Di LHDN kami memantau pergerakan setiap staf kami dan ada buku keluar masuk juga kad bagi memastikan tiada yang ponteng kerja.

“Kita percaya bukan semua kakitangan awam yang melakukan perkara sedemikian malah semua pencapaian diukur melalui disiplin yang baik,” katanya.

Pegawai marin, R Gopalakrishnan, 25, berkata sikap tidak mesra kakitangan awam terutama di kaunter hadapan menyebabkan beliau serik untuk selalu datang berurusan.

“Kadang-kadang ada beberapa kaunter tersedia tetapi hanya satu atau dua kakitangan yang bertugas sedangkan mereka yang menunggu

giliran untuk mendapatkan perkhidmatan agak ramai.

“Saya pernah menemani seorang rakan untuk mendapatkan bantuan kerajaan dan apa yang mengecewakan ialah mereka menunjukkan reaksi tidak suka, seolah-olah kami ingin meminta wang mereka.

“Saya tidak kisah jika terpaksa menunggu lama tetapi janganlah bermacam muka kepada orang awam yang datang kerana ia hanya menjajakan imej kerajaan,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Peniaga, Sidek Harun, 62, pula berpuas hati dengan perkhidmatan kerajaan kerana tidak pernah berdepan masalah ketika berurusan.

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari [subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)